

**AMALAN PERWAKILAN PEGUAM SYARIE DALAM ISLAM**  
***THE PRACTICE OF REPRESENTATION BY SYARIE LAWYER IN ISLAM***

**Nur Zulfah Binti Md Abdul Salam, Nurul Farhana Binti Yahaya,  
Muhammad Hafifi Bin Hashim & Sharifah Hana Abd Rahman**

**ABSTRAK**

Peguam Syarie merupakan satu pihak yang berperanan dalam membantu pertikaian yang terjadi antara pihak-pihak. Amalan pelantikan Peguam Syarie dalam Islam telah dilaksanakan sejak zaman Rasulullah s.a.w dan para sahabat. Walau bagaimanapun, pada ketika itu orang perantara pihak yang bertikai tidak disebut sebagai peguam syarie sebaliknya hanyalah dipanggil sebagai wakil. Sistem al-wakalah bi al-khusumah diperkenalkan dalam Islam yang membawa makna perwakilan bagi pihak yang bertikai menjadi model dalam perundangan Islam sekaligus memperkenalkan pelantikan peguam syarie bagi menyelesaikan pertelingkahan atau permasalahan yang terjadi antara pihak-pihak. Kajian ini memfokuskan kepada sejarah pelantikan peguam syarie bermula dari zaman awal Islam sehinggalah kini yang meletakkan peguam syarie sebagai suatu profesion yang tidaklah seharusnya dipandang enteng. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang menggunakan kaedah temubual, observasi serta merujuk penulisan-penulisan ilmiah, jurnal dan buku yang berkaitan perbincangan. Hasil dapatan mendapati, amalan pelantikan peguam syarie ketika itu adalah berasas dan terbukti mampu menyelesaikan pelbagai masalah dihadapi pihak-pihak. Pelantikan peguam syarie ketika ini merupakan satu keperluan kepada setiap pihak. Institusi kehakiman syarie ketika ini wajar meletakkan satu garis panduan berkenaan keperluan pihak-pihak untuk diwakili oleh peguam syarie supaya dapat memartabatkan profesion perundangan dan kehakiman sekaligus melahirkan nilai efisien, integriti dan membentuk satu revolusi kepada perkembangan dunia perundangan syarie. Justeru penggubalan kepada Akta Guaman Syarie bakal menjadi rujukan peguam syarie dalam menjalankan profesionnya sekaligus mematuhi kehendak, keperluan dan disiplin profesion dengan baik

**Kata Kunci: Peguam Syarie, Syarie, perundangan, kehakiman, wakalah**

## ABSTRACT

*A Syarie lawyer is a party who plays the role in helping to resolve disputes between the parties. The appointment of Syariah Lawyers as a representative in Islam has been practiced since the time of the Prophet s.a.w and his companions. However, during that period the mediators of the disputing parties were not referred to as a syarie lawyers but were referred to as a “representative”. The concept of al-wakalah bi al-khusumah was introduced in Islam which means a representation for the disputed party. This concept has later on become an established model in Islamic jurisprudence while introducing the appointment of syarie lawyers to resolve disputes between the parties. Hence, this study is focusing on the history of syarie lawyer’s appointment since the early period of Islam until today that makes a syarie lawyer as a profession that should not be overlooked. The study was conducted using qualitative method through interviews, observation and referenced scholarly papers, journals and related books. The findings show that the practice of appointing a syarie lawyer at the time was significant and proved to be capable of solving various problems faced by the parties. Appointment of a syarie lawyer is a requirement for each party. Shariah judicial institutions should now provide a guideline in the need of the parties to be represented by syarie lawyers in order to uphold the legal and judicial professions while at the same time generating efficient values, integrity so as to shape a revolution in the development of the syariah legal world. Therefore, the enactment of the Syarie Law Act will be a reference for syarie lawyers in carrying out their profession as well as complying with the requirements, needs and discipline of the profession well.*

**Keywords:** *Syarie lawyer, syarie, legal, justice, wakalah*

### 1. PENGENALAN

Di dalam Islam, keadilan adalah salah satu elemen yang amat penting dalam setiap aspek kehidupan. Islam amat menitikberatkan keadilan tanpa mengira pangkat, agama dan budaya. Malah jika dilihat di dalam dalil-dalil al-Quran, Allah S.W.T telah memerintahkan agar umatnya sentiasa berlaku adil. Sebagai contoh Allah S.W.T telah berfirman:

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah S.W.T memerintahkan kamu supaya melaksanakan amanah kepada manusia dan apabila kamu menghukum sesama manusia hendaklah kamu menghukum dengan adil.”

Al-Nisa' (4): 58

Namun begitu, keadilan hanya akan dapat ditegakkan melalui pentadbiran undang-undang yang adil dan saksama serta kebenaran keterangan-keterangan yang dikemukakan (Abdul Monir Yaacob, 1996). Justeru, dalam hal yang sedemikian, institusi kehakiman Islam tentunya memainkan peranan yang penting dalam menegakkan keadilan dan menyelesaikan pertelingkahan antara pihak-pihak yang terlibat. Di dalam institusi kehakiman inilah wujudnya peranan peguam syarie dalam mewakili anak guamnya bagi memastikan hak diberikan kepada yang berhak. Peranan peguam syarie ini adalah berdasarkan prinsip wakalah di dalam Islam. Sebagai contoh, peguam syarie bertanggungjawab mengemukakan dakwaan bagi pihak yang membuat tuntutan atau bertanggungjawab menafikan dakwaan bagi pihak yang dituntut (Jasri Jamal, 2005).

Peranan peguam syarie dalam institusi kehakiman dilihat sebagai amat penting bagi menegakkan keadilan. Ini kerana, tidak semua pihak yang terlibat di dalam sesebuah pertikaian mahir dan berani dalam mempertahankan hak mereka. Oleh sebab itu, kehadiran peguam syarie dalam mewakili pihak terlibat akan membantu seseorang yang lemah dan tidak terdaya dalam mempertahankan haknya. Malah ini sudah tentu akan membantu pihak mahkamah membuat keputusan dengan bijak dan adil.

Institusi guaman syarie bukanlah perkara yang asing lagi dalam perundangan Islam. Malah di Malaysia, undang-undang berkaitan perlantikan peguam syarie adalah di bawah kuasa perundangan negeri. Oleh sebab itu, syarat perlantikan adalah berbeza bagi setiap negeri. Kesannya, berlaku ketidakseragaman undang-undang yang mentadbir hal-hal berkaitan peguam syarie baik dari aspek kemasukan, syarat kelayakan, etika dan sebagainya. Sebagai contoh, syarat perlantikan yang berbeza pada setiap negeri ini hakikatnya menyusahkan dan menyukarkan individu yang ingin memohon untuk ditauliah sebagai peguam syarie.

Selain itu, amalan melantik peguam syarie juga sering dikaitkan dengan konsep wakalah atau perwakilan yang ada di dalam Islam. Persoalan timbul di mana adakah pelantikan dan pentadbiran peguam syarie di Malaysia adalah selari dengan konsep wakalah yang telah ditetapkan di dalam hukum syarak? Contohnya adalah seperti syarat untuk menjadi wakil yang digariskan di dalam Islam adalah di mana seseorang itu perlu sentiasa mencari kebenaran, mempunyai akhlak dan adab yang mulia, wakil juga mesti mengetahui perkara yang diwakilkan kepadanya (Siti Zalikah Md Nor, 2004). Namun adakah syarat yang sama juga terpakai di dalam undang-undang Malaysia dan adakah syarat yang digariskan di dalam undang-undang adalah selari dengan hukum syarak?

## **2. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian perundangan tulen. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Kajian ini mengguna perpustakaan untuk mengenal pasti prinsip perwakilan dan pelantikan peguam yang diaplikasikan pada zaman Nabi, sahabat dan masa kini. Untuk itu, pengkaji telah mengumpul dan menganalisis data-data kajian seperti buku-buku, kes-kes syariah, jurnal-jurnal dan peruntukan undang-undang yang berkaitan. Seterusnya, pengkaji menggunakan kaedah temu bual kajian. Kaedah ini membantu pengkaji dalam mengumpul data-data kajian yang tidak ada dalam bentuk dokumentasi seperti pengalaman dan pemerhatian informan-informan berkaitan pelantikan peguam syarie di mahkamah syariah sepanjang menjadi pengamal undang-undang syariah. Temu bual kajian ini turut menjadi data yang menyokong dapatan kajian pengkaji. Untuk tujuan tersebut, pengkaji telah menemubual beberapa Peguam Syarie bagi mendapatkan input kajian. Data-data kajian yang diperolehi ini kemudiannya dianalisis secara kritis untuk mendapatkan permasalahan dan dapatan kajian.

## **3. PERMASALAHAN KAJIAN**

Islam mensyariatkan bahawa seseorang boleh menyerahkan urusannya kepada orang lain untuk menguruskannya, kerana tidak semua orang mampu menguruskan urusannya secara bersendirian. Dengan syarat, orang yang diwakilkan itu mestilah seorang yang layak, berkemampuan dan mempunyai pakar.

Amalan pelantikan Peguam Syarie atau perwakilan dalam menyerahkan suatu urusan telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w. Sebegitu juga di Malaysia, amalan pelantikan peguam syarie dilihat sebagai suatu profesion dalam perundangan Islam. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa isu yang wujud dalam amalan profesion guaman syarie ini apabila didapati tiadanya penggubalan undang-undang atau garis panduan yang ketat bagi mengawal selia proses pelantikan, skop dan bidang tugas serta kerjaya peguam syarie. (Musa Awang, 2018).

#### 4. DEFINISI PEGUAM SYARIE

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, peguam didefinisikan sebagai orang yang ahli dalam bidang undang-undang. Peguam syarie pula dikhususkan kepada seseorang yang membela anak guamnya di mahkamah syariah dalam kes yang mana mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa (Jasri Jamal, 2005). Peguam Syarie juga ditafsirkan seseorang yang dilantik sebagai Peguam Syarie di bawah seksyen 80 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Dari sudut fiqh pula, perlantikan peguam syarie adalah dikaitkan dengan konsep *wakalah bil al-khusumah*. *Wakalah* boleh didefinisikan sebagai pemeliharaan atau penyerahan atau perwakilan. Manakala *khusumah* bermaksud suatu dakwaan yang benar atau jawapan yang jelas dengan berkata “ya” atau “tidak” (Jasri Jamal, 2005). Konsep *wakalah bil al-khusumah* memberi pengertian perdebatan yang berlaku di antara dua pihak yang bertikai dan berbalah (Ain Mawaddah, 2015). Prinsip Islam amat mementingkan keadilan serta tidak melakukan kezaliman dalam menjaga kepentingan pihak-pihak serta peguam syarie sepanjang tempoh perwakilan ini berlaku (Hammad, Mohamad Rizal & Nur Khalidah, 2019). Ini bertepatan dengan ayat al-quran sebagaimana berikut:

سَمْعُونَ لِلْكَذِبِ أَكْلُونَ لِّلْسَحْتِ فَإِن جَاءُوكَ فَأَحْكُم بَيْنَهُم أَوْ أَعْرَضَ عَنْهُمْ وَإِن تُعْرَضَ عَنْهُمْ فَلن يَضُرُّوكَ شَيْئاً وَإِن حَكَمْتَ فَأَحْكُم بَيْنَهُم بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ  
الْمُقْسِطِينَ ٤٢

Terjemahan: Mereka sangat suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya). Oleh itu kalau mereka datang kepadamu, maka hukumlah di antara mereka (dengan apa yang telah diterangkan oleh Allah) atau berpalinglah dari mereka dan kalau engkau

berpaling dari mereka maka mereka tidak akan dapat membahayakanmu sedikitpun dan jika engkau menghukum maka hukumlah di antara mereka dengan adil; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. (Al-Maidah, 5: 142)

## 5. RUKUN PERWAKILAN

Seperti mana instrumen lain di dalam Islam, al-wakalah juga mempunyai rukun-rukun yang tertentu. Mazhab Hanafî berpendapat bahawa rukun wakalah adalah dua iaitu ijab dan qabul. Manakala, jumhur ulama' berpendapat bahawa rukun wakalah terbahagi kepada empat iaitu pewakil (al-muwakkil), wakil (al-wakil), perkara atau benda yang diwakilkan (al-muwakkal fih) dan lafaz (sighah). Ia juga adalah selari dengan apa yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. Sebagai contoh sabda Rasulullah S.A.W.:

عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدٍ وَأَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (( وَاعْدُ يَا أُنَيْسُ إِلَى أَمْرَأَةٍ هَذَا فَإِنَّ اعْتَرَفَتْ فَارْجُمُهَا ))

Maksudnya:

Dari Ibn Shihab dari 'Ubaidillah bin 'Abdullah, dari Zaid bin Khalid dan Abu Hurairah r.a. dari nabi S.A.W. bersabda: ((Pergilah pagi-pagi wahai Unais kepada isteri orang ini. Apabila dia mengaku maka rejamlah))

Dalam hadith di atas dapat dijelaskan bahawa Rasulullah S.A.W. adalah merupakan seorang pewakil yang telah mewakilkan Unais bagi pihaknya untuk bertemu dengan seorang wanita dan sekiranya wanita tersebut mengaku kesalahannya hukman dijatuhkan ke atas wanita tersebut. Di sini jelas bahawa Unais adalah wakil kepada Nabi S.A.W. untuk bertemu dan melaksanakan hukuman rejam jika wanita tersebut mengakui kesalahannya.

Rukun yang pertama ialah pihak yang mewakilkan (pewakil) atau muwakkil. Pewakil ialah pihak yang meminta bantuan orang lain melakukan beberapa urusan bagi pihaknya. Pewakil disyaratkan menentukan perkara yang diwakilkan (Ain Mawaddah, 2015). Bagi seorang pewakil juga, syarat yang utama ialah seseorang itu mestilah merupakan pihak yang dibenarkan

menguruskan secara langsung perkara yang diwakilkan samada sebagai pemilik atau penjaga (Ain Mawaddah, 2015). Ini bermakna jika pewakil tidak dibenarkan menguruskan perkara tersebut, atau tidak mempunyai hak ke atas hal tersebut, maka wakalah adalah tidak sah. Mazhab Syāfi'i berpendapat bahawa perkara yang diwakilkan juga hendaklah diuruskan semasa pewakil masih hidup (Mahmud Saedon A. Othman, 1997).

Seterusnya, bagi Mazhab Imam Abu Hanifah, seorang wakil juga hendaklah merupakan seorang yang berkeupayaan melakukan sesuatu yang diwakilkan. Keupayaan di sini adalah bermaksud berkeupayaan membuat pengurusan mengikut hukum syarak. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa wakalah yang dibuat oleh kanak-kanak yang belum berakal atau orang gila mutabbaq serta orang bodoh adalah tidak sah. Namun begitu, bagi orang yang gila seketika sahaja, wakalah yang dibuat boleh menjadi sah dengan syarat jika wakalah yang dibuat adalah ketika seseorang itu siuman dan dia sendiri mengetahui waktu yang tepat bila ia akan gila.

Seterusnya ialah syarat bagi seorang yang menerima perwakilan (wakil). Seseorang wakil mestilah berakal dan mumaiyyiz. Menurut mazhab Hanafi orang gila dan kanak-kanak yang belum sempurna akal tidak boleh menerima wakil. Berbeza dengan kanak-kanak yang telah sempurna akal, boleh menerima wakil walau tanpa izin walinya. Mazhab ini juga mensyaratkan supaya seseorang wakil hendaklah memahami perkara yang diwakilkan (Mahmud Saedon A. Othman, 1997).

Ini bermakna, jika seseorang melakukan sesuatu, tanpa mengetahui bahawa perkara tersebut telah diwakilkan kepadanya, perwakilan tersebut adalah tetap tidak sah walaupun ia telah melakukan perkara tersebut. Bagi mazhab Syāfi'i, seseorang wakil hendaklah seorang yang berkeupayaan. Berkeupayaan di sini membawa maksud bahawa apabila seseorang diharuskan untuk melakukan tasarruf dalam sesuatu perkara, maka ia boleh mewakilkan orang lain untuk melakukan perkara tersebut. Mazhab ini mengecualikan golongan kanak-kanak, orang gila, orang pitam, mabuk yang melampau, orang fasiq dalam urusan nikah, orang yang sedang tidur, bodoh dan juga orang mahjur dalam pengurusan harta sebagai wakil.

Seorang wakil juga disyaratkan tidak semestinya Islam pada umumnya. Mengikut Ibnu Hammam daripada mazhab Imam Abu Hanifah, sah mewakilkan urusan kepada kafir zimmi. Dan begitulah sebaliknya. Walaupun begitu, kehadiran orang bukan Islam sebagai wakil di Mahkamah Syariah hendaklah dilaksanakan dengan mengambil kira bahawa kehadiran mereka tidak akan menyebabkan berlakunya penghinaan agama Islam dan Mahkamah Syariah (Abdul Monir Yaacob, 1996). Ini berbeza dengan pendapat majoriti jumhur fuqahā' di mana mereka tidak membenarkan ahli zimmi daripada sebarang pekerjaan termasuk perwakilan dan dalam keadaan apa sekalipun termasuk keadaan yang mendesak (Abdullah Abu Bakar, 1989).

Imam Syāfi'i juga mensyaratkan bahawa seseorang wakil hendaklah ditentukan. Sementara itu, para ulama' berselisih pendapat mengenai sama ada seorang wakil dibolehkan melantik wakil yang lain bagi menjalankan urusan yang telah diwakilkan kepadanya. Bagi Imam Mālik, tidak sah perwakilan itu melainkan di dalam dua keadaan (Mahmud Saedon A.Othman, 1997). Pertama ialah apabila wakil pertama yang dilantik tidak layak untuk melakukan perkara yang telah diwakilkan. Kedua ialah apabila wakil tersebut telah diwakilkan dengan urusan yang banyak sehingga menyebabkan urusan itu tidak boleh diwakilkan oleh dirinya seorang sahaja. Berbeza dengan pendapat Imam Abu Hanifah bahawa perlantikan wakil atas wakil adalah sah walaupun tanpa izin pewakil dalam keadaan tertentu. Contohnya ialah wakil telah diwakilkan untuk menerima sesuatu kes, maka wakil tadi boleh melantik orang lain untuk melaksanakan perwakilan di dalam kes tersebut. Imam Ahmad pula berpendapat bahawa tidak harus melantik wakil atas wakil jika ia mampu melaksanakannya kecuali wakil pertama yang dilantik itu mempunyai urusan untuk diselesaikan atau lemah untuk melakukan urusan tersebut. Namun begitu, ia hanya dibenarkan jika setelah mendapat izin pewakil. Berbeza dengan mazhab Imam Syāfi'i, apabila wakil pertama tidak mampu melakukan urusan tersebut, sah perlantikan wakil atas wakil walau tanpa izin pewakil (Mahmud Saedon A.Othman, 1997).

Bagi bilangan wakil pula, golongan Māliki mensyaratkan bahawa wakil hendaklah seorang sahaja. Jika lebih dari seorang, maka ia memerlukan persetujuan daripada pihak lawan. Berbeza dengan mazhab Hanafi, tidak membezakan bilangan wakil sama ada seorang ataupun lebih. Sebaliknya mazhab ini berbeza pendapat mengenai persetujuan bagi pihak lawan dalam perlantikan wakil. Sebahagian golongan mazhab ini mengatakan bahawa tidak harus melainkan dengan persetujuan pihak lawan. Sebahagian yang lain pula berpendapat bahawa harus walau



tanpa persetujuan pihak lawan. Manakala ada pendapat mengatakan bahawa ia terserah kepada kadi atau hakim untuk menentukannya (Mahmud Saedon Awang Othman, 1997).

Seterusnya, mazhab Imam Mālik juga mensyaratkan bahawa wakil hendaklah bukan daripada pihak lawan. Ini kerana dikhuatiri wakil tersebut akan melakukan perkara yang berlawanan dengan kepentingan pewakil (Mahmud Saedon A. Othman, 1997). Ini juga bertentangan dengan tujuan asal wakalah iaitu untuk membela dan menjaga kepentingan pewakil. Wakil juga hendaklah tidak terdiri daripada musuh kepada pihak lawan, sama ada melibatkan agama atau tidak (Abdullah Abu Bakar, 1997). Seorang wakil juga tidak boleh menarik diri selepas mengadiri tiga kali perbicaraan kecuali kerana keuzuran, dengan syarat wakil tersebut hendaklah mengangkat sumpah bahawa penarikan dirinya adalah disebabkan keuzurannya. (Mahmud Saedon A. Othman, 1997).

Syarat seterusnya adalah bagi perkara yang diwakilkan iaitu perkara yang diserahkan oleh orang yang berwakil kepada wakil supaya dilakukannya. Syarat asas bagi perkara yang diwakilkan adalah bahawa perkara tersebut adalah perkara yang harus dilakukan di sisi syarak. Ini bermakna perkara yang jelas bertentangan dengan hukum syarak adalah tidak boleh diwakilkan. Namun, terdapat pengecualian yang mana perkara tersebut diharuskan syarak, tetapi ia termasuk dalam perkara yang tidak boleh diwakili. Contohnya ialah mengucap dua kalimah syahadah, menjadi saksi, *ila'*, *li'an* dan sebagainya.

Manakala di dalam hal yang berkaitan kepeguaman Islam, perkara yang boleh diwakilkan adalah hanya yang melibatkan kesalahan takzir. Kesalahan yang berkaitan kes hudud dan qisas adalah tidak dibenarkan. Ini kerana prinsip asalnya, hanya perkara yang melibatkan hak perseorang boleh diwakilkan dan ia tidak gugur dengan syubhah, berlainan dengan hudud (Abdul Monir Yaacob, 1996) yang melibatkan hak Allah S.W.T. Namun begitu perwakilan di dalam jenayah qisas boleh diwakilkan sekiranya pewakil iaitu wali al-Damm hadir pada waktu perbicaraan kerana kemungkinan pewakil tersebut memberi kemaafan jika hadir (Abdul Monir Yaacob, 1996). Manakala pendapat Imam Abu Hanifah dan Imam Muhammad, hak-hak manusia mengenai qisas boleh diwakilkan untuk mensabitkan dakwaan tetapi bukan dalam menerima tangkapan atau menjalani hukuman (Mahmud Saedon A. Othman, 1997).

Seterusnya di dalam mazhab Imam Syāfi'i syarat sah kepada perkara yang diwakilkan (Mahmud Saedon Awang Othman, 1997) ialah pertama perkara yang diwakilkan hendaklah dimiliki oleh orang yang berwakil. Jika perkara tersebut bukan hak atau tidak melibatkan diri pewakil sendiri, maka wakalah adalah tidak sah. Menurut Imam Abu Hanifah, jika perkara yang bukan hak diwakilkan, maka barang-barang yang diperolehi akan menjadi hak orang yang menerima wakil, bukan hak orang yang memberi wakil. Syarat kedua yang ditetapkan oleh Imam Syāfi'i adalah bahawa perkara yang diwakilkan juga hendaklah merupakan perkara yang maklum. Dalam erti kata yang lain, perkara tersebut ditentukan dan diketahui wakil. Ketiga ialah perkara yang diwakilkan itu juga hendaklah merupakan perkara yang boleh dilakukan wakil. Contohnya, dalam konteks *wakalah bi al khusūmah*, setiap orang boleh mewakilkan sama ada untuk mendakwa atau bagi menjawab dakwaan tersebut dengan syarat wakil yang dilantik mengetahui kes yang dibawa dengan betul.

Imam Abu Hanifah seterusnya menyenaraikan perkara-perkara yang tidak boleh diwakilkan (Mahmud Saedon A. Othman, 1997). Pertama ialah apabila perkara tersebut bukan hak pewakil, seperti mana yang telah dibincangkan. Kedua ialah dalam hal berhutang. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa mewakilkan kepada orang lain untuk berhutang bagi pihaknya adalah tidak sah. Jika berlaku sedemikian, hutang adalah ke atas orang yang menerima wakil tersebut. Ini berbeza jika yang datang berhutang itu dianggap sebagai utusan, maka hutang yang dibuat bukan menjadi milik orang yang menyampaikan utusan. Contohnya ialah apabila menggunakan lafaz "Aku dihantar" maka orang tersebut adalah utusan, bukan sebagai wakil. Ketiga ialah perwakilan tidak dibenarkan untuk menjalani hukuman. Contohnya mewakili seseorang untuk menjalani hukuman penjara. Ini kerana hukuman yang dikenakan adalah hanya terhadap orang yang membuat kesalahan, bukan wakil. Imam Ahmad pula berpendapat bahawa sah memberi wakil dalam perkara tasarruf, umpamanya dalam menuntut hak dan mensabitkan tentang sesuatu perkara di hadapan mahkamah. Ini bermakna wakalah di dalam melantik peguam syarie dalam menuntut hak atau mendakwa adalah dibenarkan dan sah mengikut syarak.

Akhir sekali ialah syarat berkaitan sighth atau lafaz. Lafaz adalah dibolehkan sama ada dalam bentuk lisan, tulisan mahupun perutusan. Manakala bagi Imam Mālik, sighth tersebut memadai dengan kefahaman baik dari segi urf, adat serta bahasa. Adapun perbezaan antara bahasa dan

urf, maka urf akan diutamakan (Mahmud Saedon A.Othman, 1997). Bagi mazhab Imam Syāfi'i, lafaz ijab wakalah hendaklah dilafazkan oleh pewakil manakala wakil tidak disyaratkan untuk menjawab atau menerimanya, memadai jika tiada bantahan dibuat (Mahmud Saedon A.Othman, 1997). Penerimaan wakalah boleh dibuat sama ada dengan lisan, isyarat atau dengan tindakan yang dibuat. Malah ada ulama' berpendapat bahawa diam boleh dianggap sebagai qabul wakalah. Berbeza dengan pendapat Imam Mālik, di mana ia mengatakan bahawa qabul hendaklah diterima atau dijawab dengan serta-merta, jika tidak wakalah yang dibuat adalah tidak sah.

Di samping itu, Imam Hanafi telah membezakan sighth yang dilakukan kepada dua jenis iaitu lafaz khas dan lafaz umum (Mahmud Saedon A.Othman, 1997). Lafaz khas ini ialah wakalah yang menunjukkan perkara khusus. Ini bermakna di dalam lafaz tersebut, telah ditentukan dengan khusus perkara apa yang telah diwakilkan. Lafaz yang digunakan ini adalah sah. Lafaz kedua ialah lafaz umum, di mana tidak ditentukan dengan khusus perkara yang diwakilkan. Bagi Imam Hanafi, lafaz ini tidaklah menjadikan wakalah tersebut tidak sah secara total. Ini bermakna kesahan wakalah dengan menggunakan lafaz ini bergantung kepada bagaimana pewakil melafazkannya. Contohnya apabila pewakil mengatakan, "Engkau adalah wakilku dalam semua hal." Maka di dalam situasi ini, perwakilan yang dibuat hanya sah mengenai penjagaan harta sahaja. Sebaliknya jika pewakil mengatakan bahawa, "Engkau adalah wakilku dalam semua urusanku sama ada sedikit atau besar atau banyak." Maka perwakilan tersebut hanya sah setakat perwakilan harta sahaja seperti hibah dan sedekah.

Maka berdasarkan syarat wakalah yang dibincangkan dapat dirumuskan bahawa perwakilan dalam pertikaian atau perlantikan peguam syarie adalah sah, selagi mana ia tidak bertentangan dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Oleh sebab itu, syarat sah wakalah ini seharusnya diambil berat oleh setiap peguam syarie supaya golongan ini lebih memahami konsep wakalah dari sudut syarak.

## **6. SEJARAH PERWAKILAN ZAMAN RASULULLAH DAN KHALIFAH**

Pada umumnya, konsep perwakilan ini telah lama digunakan. Selain daripada zaman Rasulullah S.A.W. dan zaman Khalifah, terdapat juga zaman lain yang mengamalkan profesion

yang serupa dengan profesion kepeguaman. Antaranya ialah yang pertama di zaman Nabi Musa a.s. di mana terdapat tokoh-tokoh yang bekerja menyelesaikan masalah antara individu. Tokoh-tokoh ini tidak menerima sebarang bayaran daripada perbendaharaan negara. Namun begitu, kajian pada kali ini adalah hanya mengfokuskan amalan konsep perwakilan dan kepeguaman pada zaman Rasulullah dan juga pada zaman Khalifah.

## **I. ZAMAN RASULULLAH S.A.W**

Amalan melantik wakil telah diamalkan dari zaman Rasulullah S.A.W. Ini dapat dilihat melalui hadith-hadith Rasulullah S.A.W. Perwakilan pada zaman ini bukan sahaja merangkumi hal-hal berkaitan pertikaian, malah ianya meliputi dalam hal-hal berkait perkahwinan, pungutan zakat, jual beli, urusan pemerintahan dan sebagainya. (Musa Awang, 2013)

Jabir Bin Abdullah r.a. pernah berkata, “Suatu ketika aku berhajat untuk keluar ke Khaibar, lalu aku pergi berjumpa baginda Rasulullah S.A.W. Aku menceritakan tentang hajatku untuk ke Khaibar, lalu baginda S.A.W. bersabda, jika kamu berjumpa wakilku, maka ambillah daripadanya lima belas gantang (gandum) dan jika dia meminta daripadamu bukti (bahawa engkau adalah wakilku) maka letakkanlah tanganmu ke atas bahu sebagai bukti.”

Selain itu, dalam hal berkaitan zakat, baginda S.A.W. pernah mengutus al-Su’at r.a. untuk mengutip zakat. Baginda S.A.W. juga telah mewakilkan ‘Amru bin Umayyah al-Damiri r.a. dalam menikahkan Ummu Habibah bin Abu Sufyan r.a. Rasulullah S.A.W. juga mewakilkan Abu Rafi’i r.a. untuk menerima pernikahan Maimunah Binti al-Harith. Seterusnya Rasulullah S.A.W. pernah melantik ‘Urwah al-Bariqi r.a. untuk membeli seekor kibas.

## **II. ZAMAN KHALIFAH**

Para sahabat juga mewakili pihak-pihak dalam mencapai keadilan serta menjadi pakar yang merungkai perkara-perkara yang tidak diketahui masyarakat biasa. Contohnya ialah peristiwa yang berlaku di zaman Khalifah Umar Al-Khattab r.a. pada tahun kebuluran. Di dalam peristiwa ini Saidina Ali r.a. telah memainkan peranan sebagai seorang wakil terhadap seorang wanita yang telah berjumpa dan meminta Khalifah Umar r.a. mengenakan hukuman rejam ke

atasnya. Wanita tersebut telah mendakwa bahawa beliau telah mengandung akibat perbuatan zina. Namun begitu, Saidina Ali r.a yang bertindak sebagai seorang wakil telah meneliti kes tersebut dan mengenalpasti faktor yang menyebabkan wanita tersebut melakukan zina (Musa, 2013). Hasil penelitian mendapati bahawa wanita tersebut telah dirogol dan zina yang berlaku adalah bukan atas kerelaan wanita tersebut tetapi dipaksa untuk menyelamatkan dirinya dari kebuluran. Pasangan zina wanita tersebut memberikan syarat bahawa susu akan diberikan kepada wanita tersebut hanya jika wanita tersebut menyerahkan dirinya. Saidina Ali r.a. dengan jelas memainkan peranannya sebagai seorang wakil untuk membela wanita tersebut yang akhirnya dibebaskan daripada hukuman atas alasan darurat. Peristiwa ini jelas menunjukkan kepentingan seorang wakil yang mana boleh menghalang daripada berlakunya hukuman yang tidak adil pada pihak yang teraniaya (Hammad, Mohamad Rizal & Nur Khalidah, 2019).

Peristiwa kedua juga berlaku di mana datang seorang wanita yang mengadu mengenai suaminya. Pada ketika itu, Ka'ab berada di sisi Khalifah Umar r.a. Wanita tersebut berkata, "Wahai Amir Al-Mu'minin, sesungguhnya aku tidak pernah melihat lelaki sebaik suamiku. Dia berjaga sepanjang malam untuk beribadat dan berpuasa sepanjang hari dan tidak terbuka walaupun cuaca teramat panas." Mendengar demikian, Khalifah Umar r.a. memohon keampunan daripada Allah bagi wanita tersebut kerana menganggap wanita tersebut amat beruntung kerana dikurniakan seorang suami sebaik itu. Mendengar doa tersebut, wanita tersebut menjadi malu lalu pulang ke rumahnya. Setelah itu, Ka'ab pun berkata, "Sesungguhnya wanita itu sebenarnya ingin mengadakan tentang suaminya yang tidak tidur bersamanya." Kemudian, Khalifah Umar memanggil wanita tadi ke hadapannya dan meminta supaya wanita tersebut menceritakan hal yang sebenar. Dengan itu, barulah wanita tersebut mengadakan hal yang sebenar bahawa suaminya tidak tidur bersamanya.

Untuk menyelesaikan masalah tersebut, Khalifah Umar r.a. kemudiannya memanggil suami wanita tersebut dan memerintahkan Ka'ab untuk menghakimkan kes tersebut. Ka'ab kemudiannya berkata bahawa beliau menganggap suami wanita tersebut mempunyai empat orang isteri dan bahawa wanita tersebut merupakan isteri keempat. Oleh yang demikian, tiga hari siang dan malam bolehlah suami tersebut beribadat, tetapi hari keempat adalah hari giliran wanita tersebut. Khalifah Umar r.a. amat tertarik dengan keputusan tersebut lalu mengambil keputusan untuk melantik Ka'ab sebagai kadi di Basrah. Berdasarkan peristiwa ini, jelas

menunjukkan peranan yang dimainkan oleh Ka'ab sebagai pemudahcara kepada Khalifah Umar r.a. yang tidak memahami pengaduan seorang wanita (Mohamed Azam Mohamed Adil, 1996). Pengetahuan Ka'ab tentang undang-undang, kepakaran menguasai fakta kes dan juga mampu memahami bahasa kiasan membuatkan hak wanita tersebut terhadap suaminya diperolehi.

Manakala di zaman Khalifah Uthman r.a., terdapat seorang wanita yang telah berkahwin dan telah melahirkan anak setelah enam bulan berkahwin. Wanita ini telah dihadapkan di hadapan Khalifah Uthman r.a. dan telah dijatuhkan hukuman rejam ke atas wanita tersebut. Namun, apabila hukuman hampir dijalankan ke atas wanita tersebut, Ibn Abbas pun datang dan berkata, "Jika perempuan tersebut mendakwa tuan berdasarkan kitab Allah S.W.T nescaya ianya menang." Sayidina Abdullah bin Abbas berpendapat bahawa jangka masa susuan dan mengandung ialah selama tiga puluh bulan. Dan jika jangka masa minimum mengandung enam bulan bererti jangka masa susuan ialah dua puluh empat bulan, dan jika jangka masa mengandung sembilan bulan maka jangka masa susuan ialah dua puluh satu bulan (Mahmud Saedon, 2003).

Terdapat juga peristiwa di zaman Khalifah Ali r.a. di mana beliau berjaya menyelesaikan isu berkaitan status seorang anak. Pada ketika itu, telah datang seorang lelaki hitam bersama perempuan hitam kepada Saidina Umar r.a. Lelaki hitam itu mengatakan bahawa mereka telah mendapat anak yang merah sedangkan beliau telah menanam pokok hitam dan bahawa wanita tersebut juga hitam seperti yang dilihat. Setelah itu, wanita hitam tadi bertegas bahawa beliau tidak pernah mengkhianatnya dan bahawa anak tersebut adalah sememangnya anak mereka. Mendengar kedua-dua belah pihak, Khalifah Umar r.a. berada di dalam keadaan yang serba salah dan tidak mengetahui apa yang patut dikatakan. Lalu beliau meminta pertolongan dan pendapat Saidina Ali r.a. yang turut berada pada masa aduan itu (Daud, 2008).

Setelah itu, Saidina Ali r.a. berkata kepada lelaki hitam tersebut, "Jika aku bertanyakan kamu hal sesuatu, adakah kamu akan menjawab dengan jujur?" Lelaki tersebut kemudian menjawab, "Demi Allah, pasti aku menjawabnya dengan benar." Maka Saidina Ali r.a. pun bertanya, "Adakah kamu melakukan persetubuhan dengan isterimu ketika dia sedang haid?" Lelaki tersebut kemudiannya mengaku akan hal tersebut. Maka Saidina Ali r.a. pun berkata, "Allahu

Akbar! Sesungguhnya benih lelaki jika dicampur dengan darah akan dijadikan Allah S.W.T. anak yang lahir darinya berwarna merah! Yang demikian janganlah kamu menafikan kesahatarafan anak ini. Sesungguhnya kamu telah melakukan jenayah ke atas diri kamu sendiri!”(Daud, 2008)

## **7. AMALAN PELANTIKAN PEGUAM SYARIE DI MALAYSIA**

Perlantikan peguam syarie di Malaysia hakikatnya telah mengalami pelbagai perubahan yang positif. Umumnya, peguam di negara ini boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu pertama peguambela dan peguamcara dan yang kedua ialah peguam syarie. Manakala bagi kategori kedua ini, turut terbahagi kepada dua kategori iaitu peguam syarie yang merupakan peguambela dan peguamcara dan juga peguam syarie yang bukan peguambela dan peguamcara.

Sejarah profesion peguam syarie ini telah bermula semenjak abad ke-19 lagi (Musa Awang, 2013). Ini dapat dilihat melalui penggubalan Majallah Al-Ahkam Johor 1331H. Di dalam undang-undang ini, dengan jelas memperuntukkan bahawa seseorang adalah berhak bagi pihak yang mendakwa dan pihak yang didakwa untuk berwakil kepada sesiapa pun yang mereka pilih. Ini bermakna bahawa sesiapa sahaja boleh menjadi peguam asalkan seseorang itu dapat menjalankan tugas sebagai seorang wakil, terutamanya bagi yang mahir dalam tentang prosiding yang berjalan di mahkamah (Abdullah Abu Bakar, 1997). Keutamaan juga turut diberikan kepada sesiapa yang berkelulusan undang-undang.

Dalam erti kata yang lain, undang-undang yang ada dahulu hakikatnya tidak memberi perhatian kepada pengetahuan dan kualiti seseorang peguam berkaitan dengan undang-undang asas yang digunakan iaitu Fiqh Islami yang terdapat di dalam kitab-kitab muktabar. Keadaan ini telah menjadi satu kelemahan pentadbiran undang-undang pada zaman dahulu, sedangkan rujukan utama di dalam Mahkamah Syariah adalah merupakan hukum-hukum syarak yang telah ditetapkan. Ini secara tidak langsung membawa kepada kelonggaran undang-undang dahulu terhadap perlantikan peguam syarie. Sesiapa sahaja dianggap layak untuk membawa kes ke mahkamah, walaupun pengetahuan seseorang itu tentang undang-undang Islam adalah sedikit (Abdullah Abu Bakar, 1997).

Walaupun begitu, masalah kelayakan dan kualiti sebagai seorang peguam syarie pada masa dahulu tidak menjadi satu masalah yang serius dan tidak pernah dipertikaikan. Malah jika dipertikaikan pun, ia tidak sampai menghalangnya daripada menjadi seorang wakil di mahkamah. Selain itu, sebelum Merdeka, telah ada undang-undang pentadbiran agama Islam di Tanah Melayu yang membenarkan kehadiran seorang peguam syariah di mahkamah (Musa Awang, 2013). Kebenaran ini secara tidak langsung telah memberi sumbangan ke arah menegakkan keadilan dan membantu mahkamah dalam menjatuhkan hukuman yang tepat (Mahmud Saedon Awang Othman, 1997). Malah amalan kehadiran peguam syarie dalam prosiding Mahkamah Syariah telah menjadi amalan sejak tiga puluh tahun yang lalu. Ia bermula daripada penubuhan Mahkamah Syariah di bawah undang-undang pentadbiran tersebut (Mahmud Saedon Awang Othman, 1997). Antara undang-undang yang dimaksudkan ialah Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan No.3, Tahun 1952. Seksyen 50 (1) undang-undang ini memperuntukkan bahawa:

Dengan tidak menghiraukan apa-apa yang tersebut dalam mana-mana undang-undang, seseorang peguam itu tidak berhak untuk mengambil bahagian dalam satu-satu perbicaraan yang mana ia bertentangan dengan undang-undang Islam.

Peruntukan ini menunjukkan bahawa kehadiran peguam adalah dibenarkan di mahkamah dengan syarat ia tidak bertentangan dengan hukum syarak. Manakala mengikut seksyen 50(2) dalam undang-undang yang sama turut memperuntukkan mengenai bahasa yang digunakan oleh peguam di mahkamah adalah bahasa mahkamah atau dengan menggunakan jurubahasa mahkamah. Bahasa mahkamah yang dimaksudkan di dalam peruntukan ini ialah Bahasa Melayu (Mahmud Saedon Awang Othman, 1997). Peruntukan yang sama juga turut ada di dalam Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 1952 dan Enakmen No.4 Tahun 1955 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Terengganu) 1955. Selain itu terdapat juga kes-kes yang dilaporkan yang menunjukkan bahawa profesion guaman syarie ini telah ada sebelum Merdeka (Zulkifli Hassan, 2017). Contohnya kes *Ramah lwn. Laton* (1927) 6 FMSLR 128 yang mana telah mengiktiraf undang-undang Syariah sebagai “*land of law*” sekali gus menunjukkan bahawa amalan guaman syarie telah ada walaupun bukan dalam bentuk yang rasmi dan tersusun (Zulkifli Hassan, 2017). Namun selepas Merdeka, undang-



undang yang ada telah mengalami perubahan yang lebih positif. Antaranya ialah dengan adanya peruntukan yang khusus berkaitan “peguam syarie” (Musa Awang, 017). Contohnya berdasarkan Seksyen 51 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 1965 (Enakmen No.11 Tahun 1965) yang membenarkan kehadiran peguam syarie mewakili mana-mana pihak di mahkamah. Seksyen tersebut berbunyi:

- (1) Peguam shar’iah boleh-lah mengambil bahagian dalam mana-mana Mahkamah bagi satu pihak dalam perbicaraan.
- (2) Majlis hendaklah menyediakan daftar nama pada tiap-tiap tahun bagi orang-orang yang didapati layak dan berkemahiran dalam hukum Shara’ supaya boleh menjadi pembela dalam Mahkamah yang ditubuhkan di bawah undang-undang ini. Orang-orang itu dikenali sebagai Peguam Shari’ah.
- (3) Peguam Shari’ah tidak boleh hadir dalam mana-mana mahkamah bagi mana-mana pihak dalam satu-satu perbicaraan melainkan dengan lesen bertulis yang dikeluarkan oleh Majlis dengan menjelaskan bayaran yang ditetapkan. Lesen yang demikian hendaklah dikeluarkan tiap-tiap tahun dan ditanda tangani oleh Yang di-Pertua.

Berdasarkan peruntukan tersebut jelas bahawa berlaku perubahan yang lebih baik berkaitan dengan peguam syarie. Dalam kajian ini, diperolehi beberapa dapatan kajian, antaranya seperti perlunya ada lesen bertulis daripada Majlis sebelum dibenarkan beramal di mahkamah syariah. Malah syarat-syarat kelayakan juga turut dimasukkan. Ini dapat dilihat di dalam seksyen 8 (1) Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 Selangor. Enakmen ini secara tidak langsung telah memansuhkan peruntukan tentang kehadiran peguam di Mahkamah Syariah di dalam Undang-undang Agama Islam Negeri Selangor 1952 (Mahmud Saedon A. Othman, 1997). Seksyen tersebut memperuntukkan bahawa seseorang peguam syarie antaranya hendaklah seseorang yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah yang diiktiraf oleh Majlis, mendapat latihan profesional yang diiktiraf oleh Majlis dalam bidang kehakiman Islam. Selain itu, terdapat juga peruntukan berhubung peguam syarie mengikut negeri-negeri. Antaranya ialah Seksyen 80 dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor) 2003, Seksyen 32 Enakmen Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, Seksyen 18 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Kelantan) 1982 dan sebagainya.

Seterusnya, berdasarkan enakmen-enakmen tersebut, satu undang-undang kecil telah diperkenalkan hampir di seluruh negeri (Musa Awang, 2017) bagi mengawal selia perlantikan berkaitan peguam syarie. Ini adalah berdasarkan peruntukan di dalam enakmen-enakmen negeri yang ada di mana memberi kuasa kepada Majlis untuk membuat undang-undang berkaitan peguam syarie. Contohnya seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 59 (2) (a) dan (b) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Seksyen tersebut memperuntukkan bahawa:

Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat kaedah-kaedah:

- (a) Untuk mengadakan peruntukan bagi prosedur, kelayakan-kelayakan dan fee bagi penerimaan Peguam Syarie; dan
- (b) Untuk mengawal selia, mengawal dan mengawasi kelakuan Peguam Syarie

Maka berdasarkan peruntukan-peruntukan ini, jelas menunjukkan bahawa Majlis mempunyai kuasa untuk membuat Kaedah-kaedah Peguam Syarie bagi negeri masing-masing. Antara kaedah yang terawal digubal adalah Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Perak) 1980. (Musa Awang, 2017). Kaedah-kaedah lain yang turut digubal ialah Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Kelantan) 1988, Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Pahang) 1990, Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Melaka) 1989 dan sebagainya. Kaedah-kaedah ini juga turut mengalami perubahan di mana ada di antaranya telah dimansuhkan dan digantikan dengan kaedah yang baru. Contoh Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Kedah) 1988 yang telah dimansuhkan dan digantikan dengan Peraturan-peraturan Peguam Syarie (Kedah Darul Aman) 2016 (Musa Awang, 2017). Namun begitu, Negeri Sabah sahaja yang belum mempunyai undang-undang kecil berkaitan peguam syarie. Ia hanya diperuntukkan di bawah Seksyen 32 Enakmen Mahkamah Syariah (Sabah) 2004.

Berdasarkan perbincangan di atas jelas menunjukkan bagaimana perlantikan peguam syarie diamalkan di Malaysia. Undang-undang yang ada sedikit demi sedikit telah mengalami perubahan yang amat baik. Jika dilihat sebelum merdeka, sesiapa sahaja boleh menjadi peguam dan mewakili pihak-pihak di mahkamah. Namun kini, undang-undang jelas menunjukkan

bahawa untuk menjadi seorang peguam syarie perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di setiap negeri. Ini secara tidak langsung memastikan kualiti dan kredibiliti seseorang peguam syarie. Kelayakan akademik yang baik menjadi syarat utama disamping syarat-syarat khas dalam keperluan menduduki ujian bertulis dan lisan. Seterusnya, pengalaman melalui latihan dalam kamar juga dinilai dan menjadi syarat bagi sesetengah negeri bagi meletakkan kualiti teratas bagi setiap Peguam Syarienyanya yang ingin beramal.

Selain itu, bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mujahid Yusuf bahawa latihan dalam kamar selama enam bulan sangat membantu bakal Peguam Syarie kerana ketika ini mereka dibantu oleh Peguam Syarie kanan (senior) yang berpengalaman luas dalam perundangan syariah (BH Online, 2019). Walau bagaimanapun, ianya tidak menjadi syarat keperluan bagi semua negeri di Malaysia. Namun, dengan pelaksanaan Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie kemungkinan syarat ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh di semua negeri. Penggubalan RUU ini semestinya dikawal baik oleh Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syarie, Badan Peguam Syarie dan Majlis Peguam Syarie (BH Online, 2019) yang menjanjikan pengurusan pelantikan Peguam Syarie lebih cekap, berimej dan berintegriti.

## **8. KESIMPULAN**

Rumusannya, konsep peguam syarie yang ada pada hari ini adalah selari dengan konsep fiqh yang telah digariskan berkaitan dengan perwakilan. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kehadiran peguam syarie di mahkamah syariah adalah sebagai wakil kepada anak guamnya.

Malah dilihat dari sudut undang-undang, terdapatnya penerapan konsep fiqh di dalam syarat kelayakan peguam syarie dan pengamalan wakalah peguam syarie yang diamalkan di mahkamah syariah. Namun, jika diteliti dengan lebih mendalam, terdapatnya sedikit perbezaan antara konsep wakalah di dalam fiqh dan amalan undang-undang. Di satu sudut, undang-undang mempunyai sedikit perubahan yang dibuat sesuai dengan keadaan semasa. Contohnya ialah berkaitan dengan kewajipan untuk memfailkan wakalah secara bertulis di mahkamah sebelum seseorang peguam syarie menguruskan kes anak guam. Ini berbeza dengan fiqh di mana wakalah tidak diwajibkan secara bertulis.

Seterusnya dalam bab isu disiplin, etika dan tata tertib peguam syarie. Walaupun dalam peraturan syarak hanyalah menetapkan peguam syarie itu haruslah berilmu, namun ianya tidak menjelaskan secara khusus dalam bab etika dan tata tertib. Justeru, mengakibatkan ada wujudnya beberapa hal atau isu melibatkan tata tertib dan etika. Adapun ketika ini hanyalah Amalan Mahkamah Syariah yang dihidangkan dalam Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 4 Tahun 2002, namun ianya tidak bersifat mengikat dan mempunyai kesan yang sama seperti undang-undang.

Namun, penggubalan undang-undang berkaitan etika, tata tertib dan isu-isu berkaitan profession guaman syarie ini sedang menuju pembedaan apabila Peguam Syarie Malaysia (PGSM) dalam proses penggubalan Akta Guaman Syarie yang dijangkakan dapat mencetuskan satu fenomena baru dalam profesion guaman syarie. Akta ini juga dipercayai mampu meletakkan profesion guaman syarie lebih berintegriti, telus dan amanah dalam bidang yang dipikul. Selain itu, ianya juga dapat memberi kesedaran berkaitan dengan keperluan peguam syarie dalam menegakkan dan memperjuangkan hak-hak anak guam berdasarkan konsep fiqh yang telah ada (Musa Awang, 2018).

## RUJUKAN

Al-Qur'an Al-Karim.

Abdullah Abu Bakar. 1997. "Guaman Syari'i: Antara Teori dan Praktikal," dalam *Penghakiman dan Kepeguaman*. Jil. 5. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 76.

Abdullah Abu Bakar. "Sudut: Acara Jenayah Islam," *Jurnal Hukum* 6, 2 (Ogos 1989): Hlm. 216.

Abdul Monir Yaacob. 1996. "Etika Peguam Menurut Perspektif Islam", dalam *Etika Hakim Dan Peguam*. Sunat. Abdul Monir Yaacob. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia. Hlm. 118.

Ain Mawaddah. 2015. Peranan Peguam Syarie Dalam Melaksanakan Kes Murtad Dalam Kalangan Mualaf: Suatu Penilaian. Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Hlm. 35.

Daud Bin Muhammad. "Peguam Syarie Dalam Institusi Qada," *Jurnal Hukum* 26, 2 (September, 2008): Hlm. 137.

Hammad, Mohamad Rizal & Nur Khalidah, 2019 Prinsip *Al Wakalah Bil Khusumah* Dalam Kepeguaman Syarie: Analisis Pelantikan Dan Urus Tadbirnya Di Bawah Perundangan Syariah Di Mahkamah Syariah

Jasri Jamal. 2005. "Isu Perlantikan dan Etika Peguam Syarie", dalam *Kaedah Perundangan, Bidangkuasa Dan Tatacara Mahkamah Syariah*. Sunat. Taju Aris Ahmad Bustani, Mohd

- Hisham Mohd Kamal & Farid Sufian Shuaib. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Hlm. 181.
- Mahmud Saedon Awang Othman. 1997. “Wakalah Menurut Pandangan Islam”, dalam *Al-Ahkam*. Jil. 5. Selangor : Dewan Bahasa Dan Pustaka. Hlm. 45.
- Mahmud Saedon Awang Othman. 2003. *Institusi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 126.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. 1996. Peguam Syarie, Masa Depan dan Cabaran di Malaysia, 8 (1) KANUN 1
- Musa bin Awang. 2013. Peranan Peguam Syarie Dalam Sistem Pentadbiran Kehakiman Islam Di Malaysia: Sejarah, Cabaran dan Halatuju. [Dalam Talian] Tersedia: [https://www.academia.edu/35366283/PERANAN\\_PEGUAM\\_SYARIE\\_DI\\_DALAM\\_SISTEM](https://www.academia.edu/35366283/PERANAN_PEGUAM_SYARIE_DI_DALAM_SISTEM) (diakses pada 11 Oktober 2019).
- Musa bin Awang. 2017. *Peguam Syarie di Malaysia: Realiti Semasa & Ke Arah Penggubalan Akta Profesion Guaman Syarie*. Hlm. 3.
- Siti Zalikah Md Nor. 2004. “Al-Wakalah Bi Al-Khusūmah”, dalam *Al-Syariah Kehakiman Islam*. Jil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Hlm. 198.
- Zulkifli Hassan. 2017. *Ke Arah Penubuhan Majlis Peguam Syarie Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Nasional Peguam Syarie Malaysia Kali Keempat, 10 November, Kuala Lumpur. Hlm. 36.

### **Temubual**

Tuan Musa Bin Awang, Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia, 2018

### **Senarai Kes Dilaporkan**

*Ramah lwn. Laton* (1927) 6 FMSLR 128).

### **Statut (Malaysia)**

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor) 2003

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Kelantan) 1982.

Enakmen Mahkamah Syariah (Sabah) 2004.

### **Laman Sesawang**

BH Online, 11 Julai 2019,

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/583895/bakal-peguam-syarie-wajib-jalani-latihan-dalam-kamar-6-bulan>.